

13 NOV 1998

APEC-BERITA-JEPUN/I

JADIKAN PEMULIHAN ASIA PERBINCANGAN UTAMA APEC

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Langkah-langkah bagi pemulihan ekonomi harus menjadi perkara yang lebih utama dibincangkan berbanding pengurangan tarif dalam mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di sini, kata pegawai Jepun hari ini.

Forum Apec tidak sepatutnya hanya berbincang mengenai pengurangan tarif, kata Ahli Parlimen Yuchi Tani selepas mengetuai delegasi sembilan anggota dari Jepun dalam pertemuan mereka Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pengerusi sidang kemuncak Apec minggu depan.

Tani berkata mereka datang ke Malaysia terutamanya untuk menyatakan keperihatinan mereka terhadap perkara itu kepada Perdana Menteri.

"Isu yang paling penting untuk dibincangkan di Apec adalah pemulihan ekonomi Asia. Sebab itulah kami meminta Dr Mahathir memberi tumpuan kepada isu ini dan mengeluarkan Asia daripada krisis ekonomi ini," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir bersetuju dengan pandangan mereka (delegasi Jepun itu) dan memberitahu mereka bahawa Amerika Syarikat tidak harus campurtangan dengan pakej bantuan AS\$30 bilion kepada negara-negara Asia yang dilanda krisis.

"Jepun mempunyai tanggungjawab besar untuk mengeluarkan Asia daripada krisis ini," beliau memetik Dr Mahathir sebagai memberitahu delegasi itu.

Anggota-anggota lain delegasi itu termasuk Ahli Parlimen Toshikatsu Matsuoka, Yosio Yatsu dan Toyoaki Ota. -- BERNAMA

RA AD JR OS